



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN HARI WARISAN SEBERANG  
PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**06 OGOS 2023 (AHAD)**  
**11.00 PAGI**

**KAMPUNG AGUNG  
PENAGA  
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini di hari kedua **Program Hari Warisan Seberang Perai** di Kampung Agung, Penaga, Seberang Perai Utara.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada kesemua para hadirin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang sudi meluangkan masa untuk hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana bagi menjayakan program pada pagi yang indah ini.
3. Program Hari Warisan Seberang Perai yang diadakan hari ini adalah merupakan program anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Kampung Agong.

4. Program Hari Warisan Seberang Perai ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai dalam usaha memartabatkan warisan kita. Warisan adalah termasuk panorama alam, habitat flora dan faunanya, perkampungan tradisional termasuk pakaian dan kuih muih tradisional, peristiwa yang ada kepentingan sejarah, tapak, bangunan dan monumen warisan.
  5. Program ini dapat memberikan pendedahan dan pendidikan mengenai warisan yang terdapat di Seberang Perai serta menonjolkan aspek-aspek warisan yang boleh diketengahkan sebagai satu produk pelancongan dan mengetengahkan permainan dan pakaian tradisional.
  6. Kali ini, Kampung Agong adalah dipilih memandangkan kampong ini bukanlah sekadar sebuah perkampungan yang biasa, malah ia semakin terkenal sebagai '*Agro Themed Park*' yang menawarkan keasyikkan yang berbeza di dalam suasana kebun pokok kelapa dan sawah padi.
  7. Tanah ini mula dibangunkan dengan penanaman pokok kelapa dan sawah padi bermula pada tahun 1942 oleh penduduk kampung ini.

Lokasi yang berkonsepkan seni tradisional ini mengenangkan konsep jelapang padi serta rumah kampung.

8. Memandangkan destinasi ini semakin mendapat sambutan daripada pengunjung, pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk memberi lebih keseronokkan buat para pengunjung. Antara aktiviti dan perkara yang menarik di Kampung Agong ini adalah:
  - i. Bergambar di mana orang ramai boleh memuatnaik pelbagai foto menarik yang mereka rakamkan ketika berada di sini. Antara lokasi bergambar yang popular adalah 15 sarang burung pelbagai bentuk dan saiz, buai gergasi, piano putih di tepi sawah, kereta lembu dan banyak lagi.
  - ii. Berbasikal, menaiki tram dan menunggang kuda sambil menghayati keindahan suasana Kampung Agong.
  - iii. Berkelah, berkhemah atau menginap di homestay dan mengadakan aktiviti beriadah serta menikmati hidangan kampung.
  - iv. Bermain Layang-Layang, permainan tradisional, pengalaman menuai padi dan memberi makan ikan.
  - v. Menggayakan pakaian tradisional

- vi. Melawat ladang ayam mini, dusun buah-buahan dan melihat sarang lebah.
9. Program Hari Warisan Seberang Perai yang diadakan selama dua (2) hari ini, menawarkan pelbagai aktiviti permainan tradisional rakyat untuk semua lapisan umur antaranya adalah Panjat Batang Pinang, Kupas Kelapa, Kukur Kelapa, Pukul Bantal, Tuju Kasut, Cari Gula-Gula Dalam Tepung, Lari Dalam Guni, Congkak, Batu Selambut, Tarik Tali, Tangkap Ikan Dalam Bendang, Sepak Raga, Team Pelikat dan Guli Bulat.
10. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pengajur dan kesemua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, yang telah bertungkus lumus menganjurkan program yang meriah ini.
11. Saya juga ingin menyatakan penghargaan saya kepada Ahli-Ahli Majlis, warga MBSP, masyarakat setempat dan pengunjung yang hadir beramai-ramai memberi sokongan dan mengambil bahagian dalam menjayakan serta memeriahkan Program Hari Warisan Seberang Perai. Besar harapan saya sekiranya para hadirin sekalian

dapat bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran sepanjang program ini diadakan.

12. Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Program Hari Warisan Seberang Perai**.

**Sekian, terima kasih.**

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*